

02 OCT 2002

Kedutaan/kesal/I

KEDUTAAN AMERIKA KESAL LAYANAN BURUK KEPADA PEMIMPIN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kedutaan Amerika Syarikat di sini hari ini menyatakan rasa kesalnya terhadap kesulitan atau layanan tidak wajar yang dialami oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam lawatan mereka ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan di sini, kedutaan itu berkata untuk menjamin supaya lawatan-lawatan akan datang oleh para pegawai tinggi Malaysia dikendalikan dengan cekap dan bersopan, ia akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Luar, Kedutaan dan Konsulat Malaysia di Amerika dan pejabat protokol yang lain.

Selain perdana menteri dan timbalannya, Menteri Luar Datuk Seri Syed Abdul Hamid Albar dan beberapa pegawai tinggi kerajaan, turut mengalami pengalaman buruk di lapangan terbang-lapangan terbang di Amerika.

Semalam Dr Mahathir menceritakan tentang satu kejadian di New York melibatkan seorang pegawai Amerika yang bersikap keras.

Katanya pegawai berkenaan menaiki pesawatnya apabila beliau tiba di New York dalam perjalanan Washington, dan dengan keras berkata tidak ada siapa yang boleh bergerak sehingga kesemua rakyat Malaysia diperiksa.

"Kalau nak periksa pun, periksalah, tak payahlah keras-keras sangat," kata Dr Mahathir semalam.

Pada Isnin pula, Abdullah memberitahu pemberita bahawa beliau terpaksa membuka kasutnya untuk tujuan pemeriksaan di Lapangan Terbang Los Angeles semasa dalam perjalanan ke New York untuk menghadiri perhimpunan agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 15 Sept.

Syed Hamid, yang bersama rombongan timbalan perdana menteri itu, berkata beliau merupakan orang pertama dikehendaki menjalani pemeriksaan itu dan telah juga diminta membuka kasutnya.

Katanya walaupun pihak berkuasa Amerika Syarikat telah memberitahu semua kedutaan dan konsulatnya bahawa semua orang perlu melalui pemeriksaan keselamatan seperti itu, mereka sepatutnya melayani pegawai-pegawai tinggi Malaysia dengan sewajarnya.

Katanya beliau kecewa dengan tindakan pihak Amerika itu yang tidak mengendahkan kedudukan seseorang itu.

Majlis Belia Malaysia menganggap tindakan pihak berkuasa Amerika Syarikat yang memberi layanan kasar terhadap Dr Mahathir dan Abdullah sebagai melampau dan tidak langsung menghormati perasaan rakyat negara ini.

Naib presidennya, Sobri Ahmad, berkata tindakan mengenakan pemeriksaan ketat terhadap pemimpin-pemimpin negara dengan alasan keselamatan, tidak boleh diterima.

"Sebaliknya tindakan tersebut menggambarkan Amerika Syarikat seolah-olah berada dalam keadaan ketakutan dengan bayang-bayang sendiri," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sobri berkata pihak Amerika Syarikat tidak ikhlas dan sentiasa menyimpan sangkaan buruk terhadap pemimpin-pemimpin dari sebuah negara Islam seperti Malaysia.

-- BERNAMA

HK AHH MAI